

DR. M SAHKAN KIT SIANG KARPAL DITAHAN UM 27 DEC 1987 2 TAHUN

KUALA LUMPUR 27 Dis. —
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mahamad hari ini
mengesahkan bahawa
penahanan Ketua
Pembangkang, Encik Lim Kit
Siang dan Timbalan Pengerusi
DAP, Encik Karpal Singh di
bawah Akta Keselamatan
Dalam Negeri (ISA) dilanjutkan
untuk tempoh dua tahun lagi.
Perdana Menteri menegaskan,
penahanan Encik Lim yang juga
Setiausaha Agung DAP dan
Encik Karpal dibuat setelah
pihak polis mencadangkan
supaya kedua-dua tokoh DAP
ini ditahan selama dua tahun.
Datuk Sri Dr. Mahathir yang
juga Menteri Dalam Negeri

memberitahu, sebab-sebab
mengapa Encik Lim dan Encik
Karpal ditahan selama dua
tahun boleh diketahui daripada
pihak polis.

"Tanyalah polis sebab-sebab
tempoh tahanan mereka
dilanjutkan," kata Perdana
Menteri ketika ditemui oleh
para pemberita selepas
melancarkan Minggu Penylaran
dan Penerangan di
Angkasapuri pagi ini.
Encik Lim dan Encik Karpal
ditahan di bawah ISA pada 27
Oktober lalu di Balai Polis
Jalan Bandar, Kuala Lumpur.
Ini merupakan kali kedua Encik
Lim ditahan di bawah ISA. Kali
pertama beliau ditahan ialah
pada 18 Mei 1969 dan
dibebaskan pada Oktober
1970.

Encik Lim ialah Ahli Parlimen
Tanjung manokala Encik
Karpal yang pertama kali
ditahan di bawah ISA ialah Ahli
Parlimen Jelutong.

Mengenai kedudukan
beberapa tahanan lain di
bawah ISA yang ditahan dalam
beberapa operasi mengejut
sejak pertengahan Oktober
lalu, Perdana Menteri berkata,
sekiranya tempoh 60 hari
tamat, mereka mungkin akan
dibebaskan, dikenakan
sekatan atau ditahan untuk
tempoh lanjutan.

"Beberapa tahanan ditangkap
pada bulan November.
Tempoh 60 hari belum tamat,"
katanya ketika ditanya sama
ada tempoh yang ditentukan
sudah berakhir atau
sebaliknya.

Menurut Datuk Sri Dr.
Mahathir, jika penyiasatan
polis memuaskan dan didapati
tidak mengancam keselamatan
negara, mereka akan
dibebaskan.